

09/02/1998

Mengukuh mata wang negara Asean

MINGGU lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengunjungi pemimpin negara Asean, berbincang mengenai cara terbaik mengatasi kegawatan ekonomi rantau ini. Pada kita ini adalah pertemuan secara rasmi yang sering mereka lakukan dari semasa ke semasa. Disebabkan Malaysia mengambil daya usaha utama untuk mengatasi kegawatan ekonomi, rasanya kedua-duanya memenuhi mandat yang diberikan rakan sejawatnya untuk berbincang dengan pemimpin Asean lain. Tentunya, di kalangan pemimpin Asean sendiri, mereka sering mengadakan perbincangan tidak rasmi sama ada melalui telefon atau komunikasi lain untuk mendapatkan pandangan masing-masing. Ini adalah semangat Asean yang kita anggap paling berkesan menangani sebarang masalah. Sesuatu yang positif mengenai Asean ialah mereka mengambil pendirian bersama dalam menangani kegawatan mata wang. Walaupun, kita tidak begitu jelas dengan mekanisme rasmi mengenai tindakan yang akan dilaksanakan hasil keputusan perbincangan yang diadakan setakat ini, apa yang boleh diumumkan setakat ini semua negara anggota Asean setuju dengan penggunaan mata wang negara masing-masing untuk tujuan perdagangan di kalangan negara Asean. Ia tertakluk kepada perbincangan peringkat gabenor bank pusat yang akan memikirkan cara pelaksanaannya. Umumnya, bolehlah kita katakan Asean sudah bersetuju dengan penggunaan wang negara masing-masing.

Pelaksanaannya bergantung kepada penyelesaian masalah teknikal yang mungkin wujud dalam melaksanakan mekanisme itu. Pada kita ini penting kerana kita tidak mahu apabila ia dilaksanakan, timbul pelbagai keadaan yang tidak menguntungkan sesama sendiri. Kita tidak mahu dalam proses mencari kebaikan, wujud pula keadaan yang boleh menjejaskan hubungan dagang sesama anggota Asean. Begitu juga, kita belum mendapat kepastian sama ada mata wang Singapura akan digunakan sebagai mata wang rujukan untuk tujuan itu. Selain melihat perkara positif, kita percaya pemimpin Asean juga turut melihat kesan penggunaan dollar Singapura sebagai mata wang rujukan.

Jika kita mengambil contoh di Eropah, penggunaan mata wang tunggal bagi benua juga menimbulkan perbincangan hangat. Ini kerana ada negara yang bimbang kukuh nilai mata wang mereka terjejas apabila menggunakan mata wang tunggal Eropah. Namun apa yang berlaku di Eropah tidak sama prinsipnya. Asean tidak berhasrat menggunakan mata wang tunggal tetapi lebih tertumpu kepada penggunaan mata wang sendiri untuk urusan perdagangan. Dengan kata lain, mata wang bagi negara Asean terus berfungsi seperti biasa. Malah, kita menjangkakan dengan menggunakan mata wang negara masing-masing, urusan perdagangan akan lebih aktif.

Apa pun tindakan ekonomi yang akan diambil oleh negara Asean, sesuatu yang agak nyata ialah semua negara berkenaan bersetuju perdagangan di kalangan negara Asean tidak perlu menggunakan dolar Amerika atau wang negara asing lain, sebagai wang perdagangan. Kita mempunyai mata wang sendiri dan diterima sebagai alat pertukaran, mengapa perlu kita bergantung kepada mata wang negara asing. Tidak ada sebab kita mengambil kira pertukaran mata wang negara asing sebagai sebahagian daripada keuntungan, sedangkan di kalangan negara Asean sendiri kita mempunyai nilai pertukaran mata wang yang stabil. Kita perlu memartabatkan mata wang kita sendiri dan membuktikan kepada dunia sebarang sistem yang tidak menguntungkan kita, perlu diubah. Jika kita pergi ke Indonesia menggunakan

rupiah atau ke Thailand menggunakan baht dan Filipina menggunakan peso, begitu juga ketika mereka membeli di negara ini menggunakan ringgit Malaysia (RM), apa bezanya jika kita menggunakan prinsip yang sama dalam urusan perdagangan. Kita tidak membeli sesuatu barangan menggunakan mata wang lain selain daripada mata wang negara berkenaan. Jika kita menggunakan prinsip ini bermakna jika kita membeli dari negara berkenaan, kita perlu menggunakan mata wang negara berkenaan dan begitu juga sebaliknya. Kita tidak nampak sebarang masalah besar jika semua bank dan institusi kewangan diarah menguruskan urusan penjualan menggunakan mata wang negara Asean.

Kita juga berharap penggunaan mata wang negara Asean dapat diperluaskan kepada semua sektor termasuk hotel. Rasanya tidak perlulah kita membeli cek perjalanan dalam nilai mata wang asing jika boleh menggunakan cek perjalanan mata wang negara Asean yang dikeluarkan oleh bank dan institusi kewangan di negara Asean.

(END)